



Carta Alir Permohonan G1 Bumiputera

<https://cims.cidb.gov.my>



Permohonan boleh dibuat melalui sistem CIMS CIDB :

<https://cims.cidb.gov.my>

Sebarang pertanyaan lanjut :



Berkenaan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), hubungi :

Pejabat Negeri / Cawangan CIDB
Careline CIDB - Tel : 1300 88 2432
Email : ebantuan.cidb.gov.my

Berkenaan Sijil Taraf Bumi, hubungi :
MED (BPKU) - Tel : 03-8880 5202
Email : tanya.g1bumi@med.gov.my



PENDAFTARAN KONTRAKTOR G1 BUMIPUTERA

BERMULA 01 SEPTEMBER 2019

Permohonan boleh dibuat melalui sistem CIMS CIDB :

<https://cims.cidb.gov.my>



Pembukaan Pendaftaran Baharu Kontraktor G1 Bumiputera

Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan pembukaan semula pendaftaran baharu Kontraktor G1 Bumiputera pada 16 Ogos 2019 yang membolehkan kontraktor yang berkelayakan memohon untuk mendaftar sebagai Kontraktor G1 Bumiputera mulai **1 September 2019**. Keputusan Kerajaan untuk pembukaan semula pendaftaran baharu Kontraktor G1 Bumiputera bertujuan memberi peluang kepada generasi baharu termasuk belia lepasan pusat latihan kemahiran yang mempunyai latar belakang teknikal untuk mula berkecimpung dalam industri pembinaan. Langkah ini dapat melahirkan lebih ramai kontraktor bumiputera yang berdaya maju dan mampu memainkan peranan utama dalam industri pembinaan.

1. SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN BAHARU G1 (BUMIPUTERA)

- Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB yang masih sah.
- 100% Bumiputera dari segi Pegangan Saham, Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Pekerja.
- Modal berbayar/modal terkumpul untuk Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) adalah RM10,000.
- Mempunyai seorang Personel Teknikal yang terdiri daripada pengarah/pemilik syarikat atau pekerja yang digajikan (memiliki Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK)/Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)/ Sijil akademik daripada Institut Pengajian Tinggi yang berkaitan bidang pembinaan)
- Ahli Lembaga Pengarah/Pemilik, Pemegang Saham/ Pemilik Modal, Pengurusan Utama, Personel Teknikal, Orang Kompeten dan Penama SPKK syarikat yang telah memiliki SPKK tidak boleh wujud/didaftarkan dalam mana-mana syarikat lain yang telah mempunyai SPKK.
- Syarikat yang mana sahamnya dipegang oleh syarikat lain, tidak layak memohon pendaftaran G1 Bumiputera.
- Bebas dari sabitan findakan tatatertib atau mahkamah semasa mengemukakan permohonan

2. POLISI PENDAFTARAN

| BIL | PENDAFTARAN | POLISI |
|-----|--|---|
| 1. | Kontraktor baharu G1 Bumiputera | <ul style="list-style-type: none"> Tempoh maksimum bagi pendaftaran baharu dalam grad G1 adalah 12 tahun (4 kali pembaharuan pendaftaran) dengan mengambil kira setiap kali pembaharuan tempoh kelulusan maksimum 3 tahun. Selepas tempoh maksimum 12 tahun, kontraktor tidak lagi layak mendaftar SPKK & STB G1 Bumiputera dan perlu naik ke grad lebih tinggi. Bagi pembaharuan kali pertama, Kontraktor masih tertakluk kepada syarat sediaada seperti lulus Kursus Integriti dan Mata CCD. |
| 2. | Kontraktor sediaada G1 | <ul style="list-style-type: none"> Kontraktor Grad G1 Bumiputera sediaada yang telah berdaftar melebihi 20 tahun, hanya dibenarkan memperbaharui pendaftaran dengan tempoh maksimum 6 tahun (2 kali pembaharuan pendaftaran), dengan mengambil kira setiap kali pembaharuan tempoh kelulusan maksimum 3 tahun. Selepas tempoh tersebut, kontraktor perlu naik ke grad lebih tinggi. Bagi kontraktor G1 (Bumiputera) sediaada yang berdaftar kurang daripada 20 tahun, tempoh maksimum pendaftaran adalah sehingga 26 tahun dari tarikh mula berdaftar. Selepas tempoh tersebut, kontraktor perlu naik ke grad lebih tinggi. Bermula 2021, Kontraktor sediaada yang ingin memperbaharui pendaftaran G1, wajib ada sekurang-kurangnya seorang personel teknikal dalam syarikat yang memiliki SKK/SKM/sijil akademik dari IPT yang berkaitan bidang pembinaan. Mereka mestilah dari kalangan pengarah/pemilik syarikat atau pekerja yang digajikan oleh syarikat. Kontraktor sediaada G2 dan ke atas yang memiliki SPKK tidak boleh membatalkan pendaftarannya dan memohon daftar baharu G1 SPKK. Kontraktor sediaada grad G2 dan ke atas yang memiliki SPKK, tidak boleh turun grad dan tidak boleh memohon untuk berdaftar dalam G1 SPKK. |

3. KRITERIA PENDAFTARAN

| Grad | Modal (RM) | Personal Teknikal (Kategori B, CE, ME) | Had Keupayaan Menender (RM) |
|------|------------|--|-----------------------------|
| G1 | 10 Ribu | Seorang Personal Teknikal (SKK/SKM/sijil akademik daripada IPT berkaitan bidang pembinaan) | 200 Ribu |

4. DOKUMEN SOKONGAN

A) Permohonan PPK & SPKK

- Pendaftaran dengan mana-mana badan pendaftaran perniagaan yang berkaitan. (SSM)/ROS/SKM/Lesen Perniagaan Sabah/Pendaftaran perniagaan Sarawak)-terkini
- Perjanjian perkongsian (ROB/PLT/Sabah/Sarawak)-terkini
- Annual return terkini sekiranya permohonan adalah dari syarikat berhad (ROC) : bagi permohonan PPK sahaja.
 - Annual return terkini syarikat yang memegang saham dalam syarikat. Sekiranya pemegang saham terdiri daripada syarikat (ROC): bagi permohonan PPK sahaja.
- Keupayaan Kewangan terkini :
 - i) Syarikat Sendiri Berhad/Berhad-Modal Berbayar Syarikat
 - ii) Firma Milik Tunggal/Perkongsian/Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)-Akaun Semasa/Simpanan Tetap/Akaun Simpanan@Akaun Semasa Pemilik/Simpanan ASB dan Tabung Haji.
 - iii) Koperasi/Persatuan-Penyata Bank Akaun semasa Syarikat.
- Personel Teknikal : SKK/SKM/sijil akademik dari IPT yang berkaitan dengan bidang pembinaan

B) Permohonan STB

- Salinan e-info SSM cetakan tahun terkini (ROC/ROB)
- Salinan Sijil Kelahiran setiap Pemegang Saham/Ahli Lembaga Pengarah/Penama Dalam Sijil STB
- Salinan Kad Pengenalan Pemegang Saham/Ahli Lembaga Pengarah/Penama Dalam Sijil STB
- Borang Pengakuan Pekerjaan (boleh dimuat turun dalam sistem CIMS di menu bantuan)
- Surat Pengesahan Bank Penandatanganan Cek (boleh dimuat turun dalam sistem CIMS di menu bantuan)
- Penyata A KWSP (sekiranya Penama Dalam Sijil @ Penandatanganan Cek atau kedua-duanya bukan terdiri daripada Pemegang Saham/Ahli Lembaga Pengarah).

5. KADAR YURAN

| Permohonan | PPK | | SPKK | | STB | |
|------------------------|-------------------|--------------------------------|-------------------|--------------------------------|-----------------------------|--------------------------------|
| | Yuran Proses (RM) | Yuran Pendaftaran 2 tahun (RM) | Yuran Proses (RM) | Yuran Pendaftaran 2 tahun (RM) | Yuran Proses (RM) | Yuran Pendaftaran 2 tahun (RM) |
| Kontraktor baharu G1 | 50.00 | 40.00 | 50.00 | - | Tiada kadar yuran dikenakan | |
| Kontraktor sediaada G1 | - | - | 50.00 | - | Tiada kadar yuran dikenakan | |

Bagi kontraktor G1 sediaada, tarikh sijil SPKK dan STB baru akan mengikut tarikh tamat PPK sediaada.

6. KAEDAH BAYARAN

Bayaran boleh dibuat secara 'online' melalui sistem CIMS

7. KEPUTUSAN PERMOHONAN DAN SIJIL

- Keputusan permohonan boleh disemak melalui atas talian (online) di <https://cims.cidb.gov.my>
- Sijil Maya hendaklah dicetak sendiri oleh pemohon secara atas talian (online) melalui sistem CIMS.